

Bersama
ENCIK SALIHIN ABANG
 CA (M), CFP ATIL, B.ACC (IIUM)
 Asna Tax Service Sdn Bhd



Pentingnya Pengurusan Cukai

SEMENJAK Sistem Taksir Sendiri (STS) diperkenalkan kepada syarikat pada tahun 2001, pengurusan cukai sepatutnya menjadi satu agenda penting bagi setiap syarikat. Secara beransur-ansur, pada tahun 2005, semua entiti perniagaan termasuk individu yang tertakluk kepada cukai pendapatan mula mempraktikkan STS. Dengan pengenalan STS, pengurusan cukai yang efektif dan efisien menjadi penting kerana bebanan taksiran cukai telah dipindahkan kepada pembayar cukai. Ini bermakna tanggungjawab pembayar cukai bertambah.

Selain membayar cukai, pembayar cukai juga perlu menanggung kos pematuhan cukai (compliance cost). Bagi pengurusan cukai yang lebih berkesan, beberapa faktor mestilah diketahui dan dipertimbangkan oleh pembayar cukai. Artikel ini menerangkan secara ringkas berkenaan STS, implikasi daripada pengurusan cukai yang tidak cekap, di mana penalti/denda/kompau dan hukuman penjara boleh dikenakan kepada pembayar cukai jika disabit kesalahan. Untuk rujukan pembayar cukai, kami akan menerangkan secara ringkas berkenaan kalendar percukaian bagi tahun 2006 dan cadangan-cadangan untuk menambah baik pengurusan cukai.

SISTEM TAKSIRAN SENDIRI (STS)

Sistem Taksiran Sendiri (STS) secara ringkasnya bermaksud pem-

bayar cukai mentaksir sendiri liabiliti cukai dan kemudian menyempurnakan dan menghantar borang retan cukai mereka ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pihak LHDN pula menerima taksiran itu sebagai taksiran yang dipersetujui. Bagi memastikan cukai yang ditaksir dan dilaporkan adalah betul, pihak LHDN akan mengendalikannya sistem audit cukai.

Semenjak STS diperkenalkan pada tahun 2001 bagi syarikat, audit cukai adalah perkara yang agak pasti bagi setiap pembayar cukai. Namun begitu, tidak semua pembayar cukai akan diaudit dalam tempoh terdekat. Pihak LHDN telah mensasarkan pusingan audit cukai adalah 5 tahun sekali bagi setiap pembayar cukai. Ini bermaksud dalam masa 5 tahun, satu lawatan audit cukai akan diadakan.

Antara tujuan audit cukai diadakan adalah untuk memastikan cukai yang ditaksirkan sendiri oleh pembayar cukai mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan (ACP), 1967.

BORANG CUKAI DAN PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB

Antara borang cukai yang perlu diketahui oleh pembayar cukai (Jadual 1).

KALENDAR CUKAI 2006

Jadual 2 adalah kalendar cukai 2006 untuk rujukan pembayar cukai untuk mengetahui tarikh penting berkenaan dengan pengembalian borang-borang cukai serta pematuhan cukai yang lain seperti anggaran cukai kena bayar, bayaran cukai dan sebagainya. Jika pembayar

JADUAL 1: BORANG CUKAI DAN PIHAK BERTANGGUNGJAWAB

BORANG CUKAI	TANGGUNGJAWAB
Borang E	Merupakan penyata saraan yang perlu disediakan oleh majikan bagi melaporkan pendapatan/gaji pekerja.
Borang C & R	Merupakan borang penyata cukai pendapatan syarikat yang perlu disediakan oleh pihak syarikat.
Borang BE	Merupakan borang penyata cukai pendapatan bagi individu yang menerima penggajian daripada majikan.
Borang B	Merupakan borang penyata cukai pendapatan bagi individu yang menerima pendapatan perniagaan.
Borang CP204	Merupakan borang bagi anggaran cukai kena bayar bagi sesuatu tahun taksiran dan perlu dilengkapkan oleh syarikat.
Borang CP204A	Pindaan ke atas anggaran cukai kena bayar yang telah dihantar (CP204) yang perlu dilengkapkan oleh syarikat.

gagal melengkapkan dan mengem-
balikan borang retan cukai pada
waktunya maka penalti/kompaun
akan dikenakan.

PENALTI/DENDA/KOMPAUN CUKAI

Implikasi kegagalan mematuhi
peruntukan ACP, 1967, Akta Cukai
telah mengariskan beberapa perun-
tukan untuk mengenakan denda,
penalti dan kompaun ke atas pem-
bayar cukai jika disabit kesalahan.
Secara amnya ramai yang ber-
pendapat apabila tidak menerima
borang retan, maka mereka tidak
perlu mengemukakan borang terse-
but kepada LHDN, tetapi menjadi
tanggungjawab setiap pembayar
cukai untuk mendapatkan borang
retan daripada pejabat LHDN yang
berdekatan. Jika tiada sebab yang
munasabah, pihak LHDN boleh
mengenakan denda dan penalti ke-
pada pembayar cukai yang tidak me-
ngembalikan borang retan mereka.
Antara denda dan penalti serta
kompaun yang boleh dikenakan oleh
pihak LHDN (Jadual 3).

Bagi mengelakkan penalti, denda
dan kompaun dikenakan, dinasi-
hatkan agar pembayar cukai me-
nambah pengetahuan berkenaan
pengurusan cukai yang baik (tax
education). Jika dahulu tanggung-
jawab berkenaan cukai diletakkan
semata-mata kepada agen cukai,
persepsi itu hendak diubah kerana
peranan agen cukai adalah lebih
kepada sebagai fasilitator dalam
urusan percukaian.

Untuk menjayakan STS, semua
pihak perlu memainkan peranan
masing-masing. Pihak LHDN sebagai
agen kerajaan yang diberi kuasa
mengutip cukai perlu memudahkan
peraturan-peraturan cukai supaya
mudah difahami oleh semua pem-
bayar cukai. Sementara pihak pem-
bayar cukai pula haruslah mengambil
inisiatif untuk menambah ilmu
percukaian. Dengan peranan yang
dimainkan oleh kedua-dua pihak

JADUAL 2: KALENDAR CUKAI

TARIKH	NOTA
28 Februari 2006	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh akhir pengemukaan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2005. Tarikh akhir pengemukaan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007.
31 Mac 2006	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh akhir mengemukakan Borang E penyata saraan majikan 2005. Tarikh akhir mengemukakan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2005. Tarikh akhir mengemukakan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2007.
30 April 2006	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh akhir mengemukakan Borang BE. Tarikh akhir mengemukakan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2005. Tarikh akhir mengemukakan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2007.
31 Mei 2006	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh akhir mengemukakan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2005. Tarikh akhir mengemukakan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2007.
30 Jun 2006	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh akhir mengemukakan Borang B. Tarikh akhir mengemukakan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2005. Tarikh akhir mengemukakan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2007.
31 Julai 2006	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh akhir mengemukakan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005. Tarikh akhir mengemukakan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2007.
31 Ogos 2006	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh akhir mengemukakan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2006. Tarikh akhir mengemukakan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2007.
30 September 2006	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh akhir mengemukakan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 28 Februari 2006. Tarikh akhir mengemukakan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2007.
31 Oktober 2006	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh akhir mengemukakan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006. Tarikh akhir mengemukakan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2007.
30 November 2006	<ul style="list-style-type: none"> Tarikh akhir mengemukakan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2006.

iaitu pihak LHDN dan pembayar cukai, maka usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan cukai dapat dilaksanakan dengan jayanya.

	<ul style="list-style-type: none"> • Tarikh akhir mengemukakan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.
31 Disember 2006	<ul style="list-style-type: none"> • Tarikh akhir mengemukakan Borang C & R bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2006. • Tarikh akhir mengemukakan Borang CP204 bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2008.

KESALAHAN	DENDA/PENALTI/KOMPAUN
Tidak memberitahu kelayakan untuk dikenakan cukai (Subseksyen 77(2) atau 77(3))	Tertakluk kepada minimum RM300 dan maksimum RM5000
Lewat mengemukakan Borang Nyata (subseksyen 77(1) dan 77(1A))	a) Kadar kompaun di bawah subseksyen 112(3)A (Kes penggajian kecuali pengarah syarikat terkawal) - minimum RM50, maksimum RM3000 b) Kes penggajian termasuk pengarah syarikat terkawal - minimum RM200, maksimum RM20 000
Gagal mematuhi notis	Minimum kompaun RM200, maksimum RM2000
Gagal mengemukakan anggaran mengikut subseksyen 107C(2), 107C(4) dan 107C(4)(a)	Minimum kompaun RM300, maksimum RM1000

Unit Penyelidikan